



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**PANDUAN AM
CUKAI
PELANCONGAN**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 17 Mei 2018.

Panduan Am Cukai Pelancongan boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2018 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, diedarkan, disimpan dalam sistem perolehan kembali atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis terdahulu Jabatan Kastam Diraja Malaysia kecuali dalam kes ringkas petikan yang terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh Akta Hakcipta 1987 (Akta 332). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang layanan yang berkaitan di bawah Cukai Pelancongan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan cukai pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Semua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Gambaran Keseluruhan Cukai Pelancongan.....	1
DEFINISI.....	1
Pelancong.....	1
Premis Penginapan	2
Pengendali.....	5
PENGENAAN DAN KADAR CUKAI PELANCONGAN	5
Deposit	6
Bilik/Malam.....	7
Pengiraan Cukai Pelancongan	7
PERALIHAN	9
PENGECUALIAN DARIPADA CUKAI PELANCONGAN	10
PENDAFTARAN.....	13
INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN.....	15
Invois	15
Nota Kredit dan Nota Debit.....	17
Penyimpanan Rekod	18
Tempoh Bercukai.....	19
PERAKAUNAN CUKAI PELANCONGAN	20
Penyata dan Pembayaran Cukai Pelancongan	20
Pembetulan kesilapan	22
Cara Penghantaran Penyata dan Pembayaran	23
PEREMITAN, PEMBAYARAN BALIK DAN MENDAPATKAN BALIK.....	25
Penolakan Daripada Penyata Cukai Pelancongan Yang Dibayar Balik.....	26
Pembayaran Secara Ansuran.....	26
KESALAHAN-KESALAHAN BOLEH DIKOMPAN	27
SOALAN-SOALAN LAZIM.....	30

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT CUKAI PELANCONGAN.....55

LAMPIRAN56

PENGENALAN

1. Panduan ini disediakan untuk membantu pengendali yang menyediakan premis penginapan dan untuk pelancong yang menginap di premis penginapan dalam memahami perkara yang akan memberi kesan kepada mereka berkaitan dengan Cukai Pelancongan.

Gambaran Keseluruhan Cukai Pelancongan

2. Pelaksanaan Cukai Pelancongan diperuntukkan di bawah perundangan berikut:

- a) Akta Cukai Pelancongan 2017;
- b) Peraturan-peraturan Cukai Pelancongan 2017;
- c) Perintah Cukai Pelancongan (Kadar Cukai) 2017;
- d) Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017; dan
- e) Perintah Penetapan Tarikh Pelaksanaan 2017

DEFINISI

Pelancong

3. Istilah "pelancong" telah ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Industri Pelancongan 1992 seperti berikut:

- mana-mana orang, sama ada dia ialah seorang warganegara Malaysia atau selainnya, yang melawat mana-mana tempat di dalam Malaysia untuk apa-apa maksud yang berikut, iaitu -
 - a) keseronokan, rekreasi atau percutian;
 - b) kebudayaan;
 - c) agama;
 - d) melawat kawan atau saudara-mara;
 - e) sukan;
 - f) perniagaan;
 - g) mesyuarat, persidangan, seminar atau kovensyen;
 - h) pengajian atau penyelidikan;

- i) apa-apa maksud lain yang tidak berhubungan dengan suatu pekerjaan yang mendapat saraan daripada tempat dilawati itu.

Contoh 1

Seorang warga Indonesia membuat lawatan ke Melaka untuk mendapatkan rawatan perubatan di Pusat Perubatan Eye Specialist. Sepanjang tempoh rawatan, dia menginap di Belle Hotel berhampiran. Beliau dianggap sebagai pelancong di bawah butiran 3 (i) seperti yang dinyatakan di atas dan penginapannya tertakluk kepada cukai pelancongan.

Contoh 2

Seorang pengurus di Hotel Baiduri disediakan sebuah bilik untuk menginap atas keperluan kerjanya. Beliau tidak dianggap sebagai pelancong di bawah butiran 3 (i) seperti yang dinyatakan di atas dan penginapannya tidak tertakluk kepada cukai pelancongan.

Premis Penginapan

4. Istilah "premis penginapan" telah ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Perindustrian Pelancongan 1992 seperti berikut:
- mana-mana bangunan, termasuk asrama, hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat dan rumah pemalaman, yang dipegang oleh pemilik, pemunya atau pengurus, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, menawarkannya sebagai tempat penginapan atau tempat tidur kepada pelancong untuk disewa atau dengan balasan apa-apa bentuk ganjaran lain, sama ada makanan atau minuman ditawarkan atau tidak.

5. Premis penginapan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah para 4 di atas adalah termasuklah "premis penginapan pelancong" seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Industri Pelancongan 1992.
6. Premis penginapan tidak termasuk penginapan yang inovatif seperti hotel jenis Apache, karavan, kontena, bustel, rumah bot, rumah pokok, tiub tidur, khemah, pelayaran, dan penginapan yang serupa.
7. Seseorang yang mengendalikan atau menguruskan premis penginapan dipanggil pengendali di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017.

Pengenaan cukai pelancongan atas premis penginapan

8. Dalam keadaan dimana premis penginapan seperti rumah atau pangsapuri yang diuruskan oleh pengendali, tanpa mengira sama ada premis tersebut berada di tempat yang sama (berkelompok atau diposisikan bersama-sama iaitu pangsapuri servis) atau bertaburan (tidak dikelompokkan), pengendali adalah dikehendaki untuk berdaftar jika mempunyai 5 bilik penginapan atau lebih.

Contoh 3

Seorang pengendali mengendalikan 1 premis penginapan iaitu sebuah rumah yang terletak di Putrajaya yang mempunyai 3 bilik untuk disewa. Pengendali tidak dikehendaki untuk berdaftar.

Contoh 4

Seorang pengendali mengendalikan 2 premis penginapan iaitu 2 buah rumah yang terletak di Putrajaya dan Kajang, yang mempunyai 3 bilik untuk disewa bagi setiap rumah. Jumlah bilangan bilik yang disewa adalah 6. Pengendali adalah dikehendaki untuk berdaftar.

Contoh 5

Seorang pengendali mengendalikan 4 premis penginapan yang terletak di Putrajaya, Kajang, Alor Setar dan Johor Bharu, setiap rumah mempunyai 2

bilik untuk disewa. Jumlah bilik yang disewa adalah 8. Pengendali adalah dikehendaki untuk berdaftar.

Contoh 6

Seorang pengendali mengendalikan 5 premis penginapan yang mempunyai 5 buah rumah di Putrajaya (2 buah rumah), Kajang, Alor Setar dan Johor Bharu, setiap rumah mempunyai 1 bilik untuk disewa. Jumlah bilangan bilik yang disewa adalah 5. Pengendali adalah dikehendaki untuk berdaftar.

Contoh 7

Seorang pengendali mengendalikan 4 premis penginapan yang terdiri daripada 4 buah rumah di Putrajaya, Kajang, Alor Setar dan Johor Bharu, setiap rumah mempunyai 1 bilik untuk disewa. Jumlah bilik yang disewa adalah 4. Pengendali adalah tidak dikehendaki untuk berdaftar.

Contoh 8

Seorang pengendali mengendalikan 1 premis penginapan yang terletak di Putrajaya yang mempunyai 5 bilik untuk disewa. Pengendali adalah dikehendaki untuk berdaftar.

Contoh 9

Seorang pengendali mengendalikan 3 premis penginapan yang terletak di Putrajaya dengan jumlah 5 bilik tetapi pengendali mengenakan caj atas keseluruhan rumah. Pengendali adalah dikehendaki untuk berdaftar.

Contoh 10

Seorang pengendali mengendalikan 1 premis penginapan yang terletak di Putrajaya dengan jumlah 5 bilik tetapi pengendali hanya menyewakan 1 bilik. Pengendali TIDAK dikehendaki untuk berdaftar.

Pengendali

9. Istilah "pengendali" telah ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Cukai Pelancongan 2017 sebagai mana-mana orang yang menjalankan premis penginapan.

10. Pengendali mesti mengendalikan atau menawarkan perkhidmatan yang serupa dengan badan pengurusan pusat untuk mengendalikan antara lain pengemasan, keselamatan, tempat letak kereta dan lif khusus, perakaunan (kutipan, bayaran dan pulang balik), pengendalian tempahan dan pembatalan, perabot, dll. Operator sama ada mengenakan yuran pengurusan kepada pemilik premis atas perkhidmatannya atau dimiliki dan diuruskan oleh operator sendiri. Oleh itu, pengendali adalah tidak termasuk mana-mana orang yang hanya menyewakan premisnya dan mengutip bayaran sewa dan tidak menyediakan sebarang perkhidmatan lain.

Contoh 11

Seorang warganegara Malaysia memiliki sebuah kondominium 5 bilik di Shah Alam dan beliau menyewakannya kepada seorang warganegara asing yang bekerja di Malaysia. Perjanjian sewaan adalah bagi tempoh 3 tahun.

PENGENAAN DAN KADAR CUKAI PELANCONGAN

11. Cukai Pelancongan adalah cukai yang dikenakan dan dilevi ke atas pelancong yang menginap di mana-mana premis penginapan yang disediakan oleh seorang pengendali dengan kadar yang ditetapkan pada RM 10.00 sebilik semalam. Adalah menjadi kewajipan pelancong untuk membayar cukai pelancongan kepada pengendali.

12. Adalah menjadi kewajipan pengendali yang menyediakan penginapan kepada pelancong di premis penginapan untuk mengutip cukai pelancongan dari pelancong itu semasa daftar keluar dan membayar cukai pelancongan yang dikutip atau boleh dikutip kepada JKDM.

13. Cukai pelancongan adalah dikenakan ke atas penginapan semalaman apabila kadar bilik dikenakan. Invois mestilah dikeluarkan. Bilik penggunaan harian tidak tertakluk kepada cukai pelancongan melainkan pelancong dikenakan kadar bilik oleh pengendali dan kadar bilik adalah kadar untuk setiap bilik setiap malam.

Contoh 12

Kadar bilik setiap malam di Hotel Seafront adalah RM150. Seorang pelancong menggunakan bilik selama 2 jam dan dikenakan bayaran RM50. Cukai pelancongan tidak dikenakan atas bayaran pada kadar RM50 kerana pengendali tidak mengenakan caj RM150 untuk penginapan selama 2 jam.

14. Tiada cukai pelancongan dikenakan ke atas daftar masuk awal dan daftar keluar lewat sekiranya tiada caj bilik dikenakan. Walau bagaimanapun, penginapan malam percuma yang ditawarkan oleh pengendali kepada pelancong adalah tertakluk cukai pelancongan.

15. Jika terdapat lebih daripada seorang pelancong yang menginap di premis yang sama pada masa yang sama dan cukai pelancongan bagi penginapan tersebut telah dibayar oleh salah seorang daripada pelancong, pelancong lain yang menginap di premis yang sama pada masa yang sama tidak bertanggungjawab untuk membayar cukai Pelancongan bagi penginapan tersebut.

Deposit

16. Adalah berkemungkinan deposit atau bayaran tempahan diterima oleh pengendali bagi sesuatu penginapan. Cukai pelancongan adalah tidak perlu diakaunkan pada tarikh deposit / bayaran itu diterima tetapi pada masa pelancong mendaftar keluar.

17. Walau bagaimanapun, bagi pengendali yang berdaftar CBP, dia perlu mengakaunkan CBP pada masa dia menerima deposit/bayaran dengan syarat deposit/bayaran itu dianggap sebagai pembayaran untuk penyediaan tempat penginapan.

Bilik/Malam

18. Kiraan "Malam" akan bermula apabila pelancong mendaftar masuk dan tamat apabila pelancong mendaftar keluar. Sekiranya pelancong mendaftar masuk dan mendaftar keluar pada hari berikutnya, penginapan adalah dikira sebagai satu malam dengan syarat pelancong mendaftar masuk dan mendaftar keluar pada masa yang ditetapkan oleh pengendali.

Contoh 13

Daftar masuk : 4 Dis 2017, 5.00 pm
Daftar keluar : 4 Dis 2017, 8.00 pm
Tempoh penginapan : 1 malam

Contoh 14

Daftar masuk : 4 Dis 2017, 11.00 pm
Daftar keluar : 5 Dis 2017, 2.30 am
Tempoh penginapan : 1 malam

Contoh 15

Daftar masuk : 4 Dis 2017, 3.00 pm
Daftar keluar : 6 Dis 2017, 11.00 am
Tempoh penginapan : 2 malam

Pengiraan Cukai Pelancongan

19. Cukai pelancongan adalah dikira seperti berikut:

Contoh 16

Penginapan 1 bilik untuk 1 malam dan caj bilik adalah RM 500 sebilik semalam di premis penginapan berdaftar cukai pelancongan dengan caj warisan dikenakan.

<i>Caj</i>	<i>Kadar</i>	<i>Jumlah (RM)</i>
<i>Caj bilik</i>	<i>RM 500 x 1 bilik/malam</i>	<i>500.00</i>
<i>Caj perkhidmatan (10%)</i>	<i>RM 500 x 10%</i>	<i>50.00</i>
<i>CBP (6%)</i>	<i>RM 550 x 6%</i>	<i>33.00</i>
<i>Cukai Pelancongan</i>	<i>RM 10 x 1 bilik/malam</i>	<i>10.00</i>
<i>Caj warisan</i>	<i>RM 2 x 1 bilik/malam</i>	<i>2.00</i>
JUMLAH		595.00

Contoh 17

Penginapan 2 bilik untuk 3 malam dan caj bilik adalah RM 75 sebilik semalam di premis penginapan berdaftar cukai pelancongan dengan caj warisan dikenakan.

<i>Caj</i>	<i>Kadar</i>	<i>Jumlah (RM)</i>
<i>Caj bilik</i>	<i>RM 75 x 2 bilik x 3 malam</i>	<i>450.00</i>
<i>Caj perkhidmatan (10%)</i>	<i>RM 450 X 10%</i>	<i>45.00</i>
<i>GST (6%)</i>	<i>RM 495 x 6%</i>	<i>29.70</i>
<i>Cukai Pelancongan</i>	<i>RM 10 x 2 bilik x 3 malam</i>	<i>60.00</i>
<i>Caj warisan</i>	<i>RM 2 x 2 bilik x 3 malam</i>	<i>12.00</i>
JUMLAH		596.70

PERALIHAN

20. Setiap pengendali yang mengendalikan premis penginapan sebelum 1 September 2017 adalah dikehendaki untuk mendaftar dan mengenakan cukai pelancongan kepada pelancong berdasarkan pada masa pelancong memulakan penginapannya. Tempoh penginapan yang tertakluk kepada cukai pelancongan adalah untuk tempoh pada dan selepas 1 September 2017.

21. Bagi tempahan sebelum 1 September 2017 untuk penginapan pada atau selepas 1 September 2017, adalah tertakluk kepada cukai pelancongan. Tiada pengecualian daripada pengenaan cukai pelancongan diberikan kepada kontrak yang dibuat sebelum 1 September 2017.

22. Pelancong yang mendaftar masuk sebelum 1 September 2017 dan mendaftar keluar pada 1 September 2017 pada atau sebelum masa daftar keluar yang ditetapkan atau sebarang masa lanjutan yang dibenarkan oleh pengendali tanpa apa-apa caj, penginapan itu tidak tertakluk kepada cukai pelancongan.

Contoh 18

Tarikh daftar masuk : 31 Ogos 2017, 11.30pm

Tarikh daftar keluar : 2 September 2017, 10.30am

Pelancong dikehendaki membayar cukai pelancongan bagi 1 malam.

Contoh 19

Tarikh daftar masuk : 31 Ogos 2017, 3.00pm

Tarikh daftar keluar : 31 Ogos 2017, 12.00 tengahmalam

Pelancong tidak dikehendaki membayar cukai pelancongan.

Contoh 20

Tarikh daftar masuk : 31 Ogos 2017, 11.00pm

Tarikh daftar keluar : 1 September 2017, 5.00am

Pelancong tidak dikehendaki membayar cukai pelancongan.

Contoh 21

Tarikh daftar masuk : 31 Ogos 2017, 6.00pm
Tarikh daftar keluar : 1 September 2017, 1.00am
Pelancong tidak dikehendaki membayar cukai pelancongan.

Contoh 22

Tarikh daftar masuk : 1 September 2017, 00.30am
Tarikh daftar keluar : 1 September 2017, 5.00am
Pelancong tidak dikehendaki membayar cukai pelancongan.

Contoh 23

Tarikh daftar masuk : 1 September 2017, 12.30am
Tarikh daftar keluar : 2 September 2017, 6.00pm
(lanjutan masa dengan caj)
Pelancong dikehendaki membayar cukai pelancongan bagi 1 malam.

Contoh 24

Tarikh daftar masuk : 1 September 2017, 2.30am
Tarikh daftar keluar : 2 September 2017, 12.00pm
Pelancong dikehendaki membayar cukai pelancongan bagi 1 malam.

PENGECUALIAN DARIPADA CUKAI PELANCONGAN

23. Di bawah perenggan 2 Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017, pelancong berikut dikecualikan daripada pembayaran keseluruhan cukai pelancongan apabila menginap di mana-mana premis penginapan di Malaysia:

- a) seorang pelancong yang merupakan warganegara Malaysia; dan
- b) seorang pelancong yang merupakan penduduk tetap Malaysia.
(memegang kad MyPR).

24. Di bawah perenggan 3 Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017, pengendali berikut dikecualikan daripada pendaftaran dan pengenaan cukai pelancongan:

- a) Pengendali yang mengendalikan homestay sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- b) Pengendali yang mengendalikan kampungstay sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di bawah Program Visit My Kampung: Kampungstay dan berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- c) Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau institusi pendidikan tinggi swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Act 555] mengendalikan premis penginapan yang menyediakan penginapan kepada mana-mana orang bagi tujuan pendidikan, latihan atau kebajikan.

Contoh 25

Sebagai ilustrasi premis penginapan yang dikecualikan daripada pendaftaran dan pengenaan cukai pelancongan di bawah para (c) di atas adalah seperti berikut:

- (i) Akademi Kastam Diraja Malaysia*
 - (ii) Lanai Kijang Bank Negara Malaysia*
 - (iii) Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur*
 - (iv) HELP Residence, HELP University*
 - (v) Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur*
- d) Majikan yang mengendalikan premis penginapan sebagai kemudahan kepada pekerjanya;

Contoh 26

Sebagai ilustrasi premis penginapan yang dikecualikan daripada pendaftaran dan pengenaan cukai pelancongan di bawah para (d) di atas adalah seperti berikut:

- (i) Rumah Peranginan Persekutuan*
 - (ii) Rumah Rehat Kerajaan Negeri*
 - (iii) Rumah Peranginan Bank Negara Malaysia*
 - (iv) Rumah Peranginan Tenaga Nasional Berhad*
- e) Badan agama atau kebajikan yang diluluskan oleh Menteri, yang mengendalikan premis penginapan untuk tujuan aktiviti keagamaan atau kebajikan dan bukan untuk tujuan komersil dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia badan itu; dan
- f) Pengendali premis penginapan yang mempunyai empat bilik penginapan atau kurang.

25. Pengendali di bawah para 24(d) yang menyumber keluar premis penginapan mereka kepada pengendali pihak ketiga di mana tempat penginapan yang disediakan adalah untuk tujuan selain sebagai kemudahan kepada pekerja mereka, pengendali pihak ketiga itu adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017.

26. Di bawah subseksyen 9(2) Akta Cukai Pelancongan 2017, Menteri mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta Cukai Pelancongan 2017.

PENDAFTARAN

27. Mana-mana pengendali yang sedang menyediakan premis penginapan dan bertanggung untuk berdaftar adalah dikehendaki mendaftar bagi cukai pelancongan sebelum 1 September 2017. Pengendali yang mula menyediakan premis penginapan pada atau selepas 1 September 2017 dan bertanggung untuk berdaftar adalah dikehendaki mendaftar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pengendali mengendalikan premis penginapan.

28. Permohonan hendaklah dibuat dan dikemukakan secara perkhidmatan elektronik kepada Ketua Pengarah dalam borang TTx-01. Ketua Pengarah akan mendaftarkan pengendali yang memohon pendaftaran berkuatkuasa dari hari pertama bulan berikutnya selepas permohonan dikemukakan.

Contoh 27

Champion Chalet di Langkawi mengendalikan premis penginapan pada 3 Ogos 2017 dan perlu memohon untuk berdaftar kepada Ketua Pengarah sebelum 1 September 2017. Champion Chalet memohon pendaftaran pada 25 Ogos 2017. Ketua Pengarah akan mendaftarkan Champion Chalet dan tarikh kuatkuasa pendaftaran adalah pada 1 September 2017.

Contoh 28

Sunshine Inn mengendalikan premis penginapan pada 6 November 2017, oleh itu hari terakhir Sunshine Inn perlu memohon pendaftaran kepada Ketua Pengarah pada 5 Disember 2017. Sunshine Inn memohon pendaftaran pada 3 Disember 2017. Ketua Pengarah akan mendaftarkan Sunshine Inn dan tarikh kuatkuasa pendaftaran adalah pada 1 Januari 2018.

29. Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mendaftar mana-mana orang yang mengendalikan premis penginapan yang berdaftar sebagai premis penginapan pelancong di bawah seksyen 31C Akta Industri Pelancongan 1992

atau mana-mana orang yang mengendalikan premis penginapan dan masih tidak berdaftar sebelum 1 September 2017.

30. Ketua Pengarah akan mendaftarkan setiap pengendali premis penginapan dan menetapkan kepadanya:

- a) Nombor Pendaftaran Cukai Pelancongan; dan
- b) Sijil Pendaftaran sebagai Pengendali Premis Penginapan.

31. Pengendali hendaklah mempamer sijil kelulusan bagi setiap premis di tempat yang mudah dilihat di tempat dimana penginapan disediakan.

32. Pengendali dikehendaki memaklumkan pegawai kanan kastam di stesen kastam yang mengawalinya dengan segera secara bertulis jika terdapat perubahan dalam perkara-perkara berikut menurut subperaturan 5(1) Peraturan-peraturan Cukai Pelancongan 2017:

- a) nama perniagaan
- b) alamat mana-mana tempat perniagaan
- c) taraf perniagaan
- d) penggredan premis penginapan; atau
- e) bilangan bilik di premis penginapan

33. Pengendali dibenarkan membuat pindaan secara atas talian di portal MyTTx selain daripada yang dinyatakan dalam subperaturan 5(1) Peraturan-peraturan Cukai Pelancongan 2017 yang dinyatakan di atas.

34. Mana-mana pengendali yang telah berhenti mengendalikan premis perniagaan atau diberi pengecualian di bawah subseksyen 9(2) Akta Cukai Pelancongan 2017 oleh Menteri hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengarah secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberhentian atau pengecualian itu.

35. Pengendali yang lewat mendaftar cukai pelancongan akan ditaksir jumlah cukai pelancongan dari tarikh dia sepatutnya didaftarkan. JKDM akan memaklumkan pengendali secara bertulis jumlah pentaksiran dan boleh termasuk apa-apa penalti yang kena dibayar dan perlu dibayar olehnya. Di samping itu, pengendali boleh ditawarkan kompaun atas kesalahan tidak mendaftar dalam masa yang ditetapkan.

Contoh 29

Seorang pengendali bertanggung untuk berdaftar sebelum 1 Februari 2018 dan sepatutnya telah didaftarkan pada 1 Mac 2018. Walau bagaimanapun, pengendali membuat permohonan pada 3 Jun 2018 dan tarikh kuatkuasa pendaftaran pada 1 Julai 2018. Oleh itu, cukai pelancongan dan penalti yang kena dibayar dan perlu dibayar olehnya akan ditaksir dan dikutip daripadanya dari 1 Mac 2018 hingga 30 Jun 2018. Operator boleh dikompaun atas kesalahan yang dilakukan.

INVOIS, REKOD, PENYATA DAN TAKSIRAN

36. Seksyen ini menerangkan jenis-jenis rekod yang perlu disimpan yang berkaitan dengan transaksi yang dibuat atau diterima sebagai seorang pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017.

Invois

37. Setiap pengendali dikehendaki untuk mengeluarkan invois, resit atau dokumen lain di dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris kepada pelancong berkaitan penginapan yang disediakan dan hendaklah menyatakan kadar dan amaun cukai pelancongan sepatutnya dibayar secara berasingan daripada caj penginapan yang disediakan oleh pengendali. Dokumen lain termasuk pesanan tempatan dan penyata akaun.

Contoh 30

Aleta dan Arabella bekerja di Singapura. Mereka menghadiri mesyuarat di Langkawi dan menginap di bilik berkembar di sebuah hotel selama 5 hari 4 malam. Bilik ini didaftarkan di bawah nama Arabella. Setelah mendaftar keluar, hotel perlu mengeluarkan invois dan mengenakan cukai pelancongan sebanyak RM40 kepada Arabella. Hotel ini tidak dibenarkan memecah jumlah cukai pelancongan kepada Aleta dan Arabella dalam invois yang berbeza untuk penginapan yang sama.

38. Mana-mana orang selain dari pengendali yang berdaftar tidak dibenarkan untuk mengeluarkan suatu invois, resit atau dokumen lain yang menunjukkan amaun berupa sebagai cukai pelancongan.

39. Jika cukai pelancongan tidak dikenakan, pengendali dinasihatkan untuk menyatakan sebab tidak mengenakan cukai pelancongan bagi tujuan audit walaupun ianya bukan keperluan wajib untuk dinyatakan dalam invois.

40. Seorang pengendali dianggap telah mengeluarkan suatu invois, resit dan dokumen lain kepada pelancong jika butir-butir yang diperlukan telah direkodkan dalam komputer dan dihantar atau tersedia kepada pelancong melalui cara elektronik atau dikeluarkan atas apa-apa bahan dan diserahkan kepada pelancong.

41. Bagi pengendali yang tidak berdaftar dengan GST, butiran yang perlu dinyatakan dalam invois, resit atau dokumen lain kepada pelancong adalah seperti berikut:

- a) nombor siri invois;
- b) tarikh invois;
- c) nama, alamat dan no. pendaftaran cukai pelancongan pengendali;
- d) nama dan alamat orang yang menginap di premis penginapan yang disediakan; dan

e) kadar dan jumlah cukai pelancongan kena dibayar, secara berasingan daripada bayaran untuk penginapan yang disediakan oleh pengendali.

42. Butir-butir tambahan yang diperlukan dalam invois cukai bagi pengendali yang berdaftar dengan GST adalah seperti berikut:

- a) No. pendaftaran cukai pelancongan pengendali; dan
- b) kadar dan jumlah cukai pelancongan kena dibayar, secara berasingan daripada bayaran untuk penginapan yang disediakan oleh pengendali.

43. Sampel invois boleh dilihat di **LAMPIRAN 1**.

Nota Kredit dan Nota Debit

44. Jika pengendali mengeluarkan nota kredit atau nota debit atas sebab perubahan dalam kadar cukai pelancongan atau atas sebab pelarasan dalam menjalankan urusan perniagaan, pelarasan perlu dibuat oleh pengendali dalam penyataanya seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 16 Akta Cukai Pelancongan 2017 dan Peraturan 7 Peraturan-peraturan Cukai Pelancongan 2017.

45. Jika pengendali mengeluarkan nota kredit atau nota debit atas sebab perubahan kadar cukai pelancongan, pengendali hendaklah membuat pelarasan di dalam penyata bagi tempoh bercukai di mana perubahan kadar itu berlaku.

46. Jika pengendali mengeluarkan nota kredit atau nota debit atas sebab pelarasan dalam menjalankan urusan perniagaan, pengendali hendaklah membuat pelarasan di dalam penyata bagi tempoh bercukai di mana nota kredit atau nota debit dikeluarkan.

47. Apabila pengendali telah berhenti menjadi orang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017, pengendali hendaklah membuat pelarasan di dalam penyata bagi tempoh bercukai terakhir semasa dia menjadi pengendali.

48. Jika nota kredit dikeluarkan di bawah seksyen 24 Akta Cukai Pelancongan 2017, contohnya atas sebab pembatalan penginapan, pengendali hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan kelulusan bagi menolak daripada penyatanya amaun cukai pelancongan yang telah dikembalikan oleh pengendali kepada pelancong. Penolakan tersebut hendaklah dibuat di dalam penyata bagi tempoh bercukai di mana nota kredit itu dikeluarkan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh cukai pelancongan dikembalikan kepada pelancong.

49. Pengendali hendaklah mengemukakan dokumen sebagai bukti kepada Ketua Pengarah bahawa dia telah mengeluarkan nota kredit dan mengembalikan atau membayar amaun cukai pelancongan kepada pelancong berkenaan.

50. Nota kredit atau nota debit perlu mengandungi butir-butir berikut:

- a) perkataan "nota kredit" atau "nota debit" di tempat yang mudah dilihat;
- b) nombor siri dan tarikh dikeluarkan;
- c) nama dan alamat orang yang kepadanya premis penginapan disediakan;
- d) sebab dikeluarkan;
- e) bilangan penginapan dan malam untuk setiap penginapan;
- f) jumlah tidak termasuk cukai pelancongan;
- g) kadar dan amaun cukai pelancongan; dan
- h) no. dan tarikh invois asal

Penyimpanan Rekod

51. Adalah satu keperluan bagi pengendali menyimpan rekod yang berkaitan dengan tanggungannya untuk mengutip cukai pelancongan selama tujuh (7) tahun dan rekod mestilah dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Kebangsaan.

Rekod mestilah disimpan di Malaysia melainkan jika diluluskan oleh Ketua Pengarah.

52. Oleh itu, pengendali dikehendaki menyimpan semua rekod yang berkaitan dengan sebarang transaksi cukai pelancongan (nama dan no. passport pelancong, tarikh daftar masuk dan daftar keluar, kadar bilik, jumlah cukai, dll.) dan pelarasan berkaitan jika ada dan ianya mestilah selaras dengan kehendak seksyen 17 Akta Cukai Pelancongan 2017.

53. Jika rekod disimpan secara elektronik, rekod itu mestilah boleh dicapai dan mudah diubah ke dalam bentuk bertulis. Sekiranya rekod pada mulanya disimpan dalam bentuk manual tetapi kemudiannya diubah ke dalam bentuk elektronik, rekod hendaklah dikekalkan dalam bentuk asal sebelum diubah.

Tempoh Bercukai

54. Setiap pengendali akan diberikan tempoh bercukai dimana beliau dikehendaki untuk mengakaunkan cukai dalam penyata yang perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah. Pengendali yang tidak berdaftar dengan CBP, tempoh bercukai untuk mengemukakan penyata cukai pelancongan adalah bagi tempoh tiga bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam sesuatu tahun kalendar.



55. Pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 akan diberikan tempoh bercukai yang sama bagi maksud cukai pelancongan iaitu sebulan, suku tahunan atau pelbagai tempoh bercukai yang mungkin berlaku.

PERAKAUNAN CUKAI PELANCONGAN

Penyata dan Pembayaran Cukai Pelancongan

56. Setiap pengendali dikehendaki mengakaunkan cukai pelancongan yang diterima dalam penyata bagi setiap tempoh bercukai dengan menggunakan Borang TTx-03 dan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh bercukai yang berhubungan dengan penyata itu.

57. Jika pengendali tidak menerima kesemua atau mana-mana bahagian cukai pelancongan daripada pelancong itu dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh invoice bagi penginapan yang disediakan, beliau perlu mengakaunkan cukai pelancongan di dalam penyata bagi tempoh bercukai berikutnya selepas tarikh akhir tempoh dua belas (12) bulan kalendar.

Contoh 31

Invois dikeluarkan pada 15 September 2017. Bagi tempoh bercukai bulanan, 12 bulan kalendar tamat pada akhir Ogos 2018 dan pengendali perlu mengakaunkan cukai pelancongan dalam penyata bagi tempoh bercukai September.



58. Pengendali yang telah berhenti menjadi orang berdaftar, perlu mengemukakan penyata yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan tempoh bercukai terakhir di mana orang itu berdaftar tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas pendaftarannya terhenti.

59. Pengendali dikehendaki mengemukakan penyata dan membuat bayaran cukai pelancongan kena dibayar berkenaan dengan tempoh bercukai yang berkaitan penyata itu kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir di mana pengendali dikehendaki mengemukakan penyata.

60. Jika pengendali tidak menerima apa-apa bayaran cukai pelancongan semasa tempoh bercukai, beliau masih perlu untuk mengemukakan penyata kepada Ketua Pengarah.

Ilustrasi penghantaran penyata oleh pengendali yang berdaftar CBP

Tempoh bercukai		1 September 2017	Penghantaran penyata pertama	Jenis penyata
Bulanan		Mula mengenakan cukai pelancongan	01.10.17– 31.10.17	2 penyata: CBP & cukai pelancongan
Suku tahunan	Jun – Ogos 2017		Tiada (cukai pelancongan belum dilaksanakan)	1 penyata : CBP Tiada penyata cukai pelancongan
	Jul – Sept 2017		01.10.17– 31.10.17	2 penyata : CBP & cukai pelancongan Cukai pelancongan dikutip bagi bulan Sept sahaja
	Ogos – Okt 2017		01.11.17 – 30.11.17	2 penyata : CBP & cukai pelancongan Cukai pelancongan dikutip bagi bulan Sept dan Okt sahaja

	Sept – Nov 2017		01.12.17 – 31.12.17	2 penyata : CBP & cukai pelancongan Cukai pelancongan dikutip bagi bulan Sept hingga Nov.
--	--------------------	--	------------------------	---

Pembetulan kesilapan

61. Jika terdapat pembetulan kesilapan dibuat dalam mana-mana penyata yang telah dikemukakan, pengendali boleh:

- a) jika pembetulan berkaitan dengan penyata semasa di mana ia masih dalam tempoh serahan, pembetulan hendaklah dibuat dalam penyata semasa dan dikemukakan semula.

Contoh 32

Penyata Semasa:

<i>Tempoh bercukai</i>	<i>1 Jan 2018 – 31 Mac 2018</i>
<i>Tarikh akhir hantar penyata</i>	<i>30 Apr 2018</i>
<i>Hantar penyata</i>	<i>20 Apr 2018</i>
<i>Pembetulan atas penyata semasa</i>	<i>28 Apr 2018</i>

- b) Jika pembetulan berkaitan dengan penyata sebelumnya, pembetulan hendaklah dibuat dalam suatu penyata baru yang dianggap sebagai penyata tambahan.

Contoh 33

Penyata sebelum yang berkaitan:

<i>Tempoh bercukai</i>	<i>1 Okt 2017 – 31 Dis 2017</i>
<i>Tarikh akhir hantar penyata</i>	<i>31 Jan 2018</i>
<i>Kesilapan dikesan atas penyata sebelum</i>	<i>8 Feb 2018</i>
<i>Pembetulan dalam penyata baru</i>	

Cara Penghantaran Penyata dan Pembayaran

62. Pengendali perlu mengemukakan penyata melalui pos atau perkhidmatan elektronik kepada Ketua Pengarah. Penyata yang dikemukakan melalui pos hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Tourism Tax Processing Center

Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Kompleks Kastam WPKL,
22, Jalan SS 6/3 Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya.

63. Penyata dianggap telah dikemukakan:

- a) Jika penyerahan melalui pos, pada tarikh cop pos; atau
- b) Jika penyerahan secara perkhidmatan elektronik, apabila penyata itu telah diterima secara elektronik oleh Ketua Pengarah.

64. Pembayaran cukai pelancongan dan apa-apa penalti yang kena dibayar boleh dibuat melalui pos (cek atau bank draf sahaja) atau perkhidmatan elektronik kepada Ketua Pengarah. Cukai pelancongan atau penalty (jika ada) dianggap telah dibayar apabila pembayaran diterima oleh Ketua Pengarah dengan syarat:

- a) apabila bayaran dibuat melalui cek atau bank draf, amaun tersebut dianggap diterima oleh Ketua Pengarah apabila bayaran dilunaskan;
- b) apabila bayaran dibuat melalui bank, amaun dianggap diterima oleh Ketua Pengarah apabila amaun itu dikreditkan ke akaun Ketua Pengarah.

65. Bayaran tunai atau bayaran melalui cek atau bank draf yang dibuat secara sendiri tidak dibenarkan.

66. Pengendali digalakkan untuk membuat bayaran awal bagi membolehkan masa yang mencukupi untuk menjelaskan cek dan seterusnya untuk mengelakkan pengenaan penalti kerana pembayaran lewat.

67. Jika cukai pelancongan genap masa dan kena dibayar tidak dibayar keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana pengendali selepas hari terakhir di mana ia kena dibayar dan tiada pendakwaan dimulakan, pengendali dikehendaki membayar-

- a) untuk tempoh tiga puluh (30) hari pertama cukai pelancongan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh tersebut, penalti sebanyak sepuluh (10) peratus daripada amaun cukai pelancongan yang masih belum dibayar;
- b) untuk tempoh tiga puluh (30) hari yang kedua cukai pelancongan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh tersebut, penalti tambahan sebanyak sepuluh (10) peratus daripada amaun cukai pelancongan yang masih belum dibayar; dan
- c) untuk tempoh tiga puluh (30) hari yang ketiga cukai pelancongan tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh itu, dan penalti tambahan sebanyak sepuluh (10) peratus daripada amaun cukai pelancongan yang masih belum dibayar.

Contoh 34

Roman Hotel Sdn.Bhd. adalah pengendali yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan telah diberikan tempoh bercukai pertama pada 1 Jan 2018 - 31 Mac 2018. Dia telah membayar cukai pelancongan pertama sebanyak RM10,000 pada 20 Mei 2018. Dia tertakluk kepada penalti seperti berikut:

<i>Cukai pelancongan kena dibayar</i>	<i>30 Apr 2018</i>
<i>Bilangan hari bayaran lewat</i>	<i>20 hari</i>
<i>Penalti dikenakan (RM10,000 x 10%)</i>	<i>RM 1,000</i>

Contoh 35

Home Hotel Sdn.Bhd. adalah pengendali yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan gagal membayar cukai pelancongan sebanyak RM15,000 bagi tempoh bercukai 1 Apr 2018 - 30 Jun 2018. Dia kemudiannya membayar RM10,000 pada 15 Okt 2018 dan bakinya pada 7 Disember 2018. Beliau adalah tertakluk kepada penalti seperti berikut:

<i>Cukai Pelancongan kena dibayar</i>	<i>31 Julai 2018</i>
<i>Bayaran lewat atas RM15,000</i>	<i>76 hari</i>
<i>Penalti dikenakan (RM15,000 x 30%)</i>	<i>RM 4,500</i>
<i>Bayaran lewat atas RM5,000</i>	<i>129 hari</i>
<i>Penalti dikenakan atas baki (RM5,000 x 30%)</i>	<i>RM1,500</i>
<i>Jumlah Penalti</i>	<i>RM 6,000</i>

PEREMITAN, PEMBAYARAN BALIK DAN MENDAPATKAN BALIK

68. Akta Cukai Pelancongan 2017 memperuntukkan remitan, bayaran balik dan mendapatkan balik di bawah seksyen berikut:

- a) Remisi di bawah seksyen 21 Akta Cukai Pelancongan 2017 dan tuntutan boleh dibuat dalam borang TTx-04 dan bayaran balik akan dibuat dalam masa yang sesuai dari tarikh permohonan.
- b) Bayaran balik cukai pelancongan dsb., terlebih bayar atau silap bayar di bawah seksyen 22 Akta Cukai Pelancongan 2017.
- c) Bayaran balik hutang lapuk di bawah seksyen 23 Akta Cukai Pelancongan 2017.

Penolakan Daripada Penyata Cukai Pelancongan Yang Dibayar Balik

69. Di bawah seksyen 24 Akta Cukai Pelancongan 2017, seseorang pengendali boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk menolak daripada penyatanya jumlah cukai pelancongan yang dibayar tetapi kemudiannya dipulangkan balik kepada pelancong dalam tempoh satu tahun atau apa-apa tempoh lanjutan selepas pembayaran balik itu dibuat, disebabkan oleh-

- a) pembatalan penginapan; atau
- b) apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Pembayaran Secara Ansuran

70. Pengendali boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk membayar jumlah tertunggak cukai pelancongan atau penalti secara ansuran sekiranya pembayaran itu akan menyebabkan kesukaran kewangan yang tidak wajar kepada pengendali atau dalam keadaan lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Jika cukai pelancongan dibenarkan dibayar secara ansuran, penalti akan terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran.

71. Jika berlaku kegagalan dalam pembayaran bagi mana-mana satu ansuran pada tarikh genap masanya untuk bayaran baki amaun yang kena dibayar, kesemua amaun yang tertunggak hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh itu dan hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang bertanggung untuk membayar amaun yang kena dibayar, tertakluk kepada surcaj yang bersamaan dengan sepuluh (10) peratus daripada baki itu dan surcaj itu hendaklah boleh didapatkan seolah-olah ia genap masa dan kena dibayar.

KESALAHAN-KESALAHAN BOLEH DIKOMPAN

72. Di bawah seksyen 56 Akta Cukai Pelancongan 2017, Ketua Pengarah boleh mengkompau dengan suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada nilai maksimum denda mahkamah bagi kesalahan berikut:

BIL	SEKSYEN	KESALAHAN	DENDA MAKSIMUM	KOMPAUN MAKSIMUM
1	10(3)	Pengendali yang gagal untuk berdaftar di bawah seksyen 10(1)	RM30,000	RM15,000
2	11(2)	Pengendali yang mengendalikan premis penginapan gagal untuk berdaftar dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelaksanaan Bahagian IV Akta Cukai Pelancongan 2017	RM30,000	RM15,000
3	14(3)	Mana-mana orang yang gagal mematuhi seksyen 14(1) dan (2) iaitu; <ul style="list-style-type: none">• Setiap pengendali hendaklah mengeluarkan inuis, resit atau dokumen lain kepada pelancong dan mengasingkan kadar dan amaun cukai pelancongan dari caj penginapan yang disediakan oleh pengendali;• Mana-mana orang yang bukan pengendali tidak boleh mengeluarkan inuis, resit atau dokumen lain yang berupa cukai pelancongan.	RM30,000	RM15,000

BIL	SEKSYEN	KESALAHAN	DENDA MAKSIMUM	KOMPAUN MAKSIMUM
4	17(5)	Mana-mana orang yang gagal mematuhi kehendak penyimpanan rekod di bawah seksyen 17	RM30,000	RM15,000
5	19(6)	Mana-mana pengendali yang gagal mengemukakan penyata di bawah seksyen 19(1), (2) dan (3)	RM30,000	RM15,000
6	19(7)	Mana-mana pengendali yang gagal membayar cukai pelancongan dalam tempoh yang ditetapkan	RM30,000	RM15,000
7	33(4)	Mana-mana orang yang enggan membenarkan pegawai kanan kastam untuk memasuki mana-mana tempat atau premis	RM 30,000	RM15,000
8	40	Mana-mana orang yang membuat penyata yang tidak betul atau memberi maklumat yang tidak betul	RM 30,000	RM15,000
9	41(2)	Mana-mana orang yang tidak layak memungut tetapi memungut cukai pelancongan	RM 30,000	RM15,000
10	42(1)	Mana-mana orang yang berniat untuk mengelak atau membantu orang lain mengelak cukai pelancongan	RM 30,000	RM15,000

BIL	SEKSYEN	KESALAHAN	DENDA MAKSIMUM	KOMPAUN MAKSIMUM
11	43(1)	Mana-mana orang yang enggan memberi maklumat kepada pegawai kastam	RM 30,000	RM15,000
12	44	Mana-mana orang yang cuba melakukan kesalahan atau bersubahat dalam perlakuan kesalahan	Dihukum mengikut hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu	RM15,000
13	45	Kesalahan yang tidak diperuntukkan secara nyata	RM 30,000	RM15,000
14	60(4)	Mana-mana orang yang gagal mematuhi kehendak untuk memberi maklumat, buku, data, dokumen atau, rekod lain di bawah seksyen 60	RM 30,000	RM15,000
15	66(3)	Mana-mana orang yang menggunakan borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan dengan kuasa Ketua Pengarah di bawah suksyen 60(1)	RM 30,000	RM15,000
16	68(3)	Mana-mana pelikuidasi yang gagal memberi notis penggulungan di bawah seksyen 68(1)	RM 30,000	RM15,000
17	69(3)	Mana-mana penerima yang dilantik oleh pengendali gagal memberi notis kepada Ketua Pengarah berkaitan pelantikan	RM 30,000	RM15,000

BIL	SEKSYEN	KESALAHAN	DENDA MAKSIMUM	KOMPAUN MAKSIMUM
		sebagai penerima dan pengasingan jumlah wang dari pelupusan asset		

SOALAN-SOALAN LAZIM

Pengenaan Cukai Pelancongan

S1: Adakah cukai pelancongan mengatasi caj warisan bagi setiap bilik yang diinap setiap hari?

J1: Tidak, operator mesti mengenakan cukai pelancongan walaupun caj warisan telah dikenakan.

S2: Seorang rakyat Malaysia (tempatan) dan warga asing mendaftar masuk ke bilik yang sama dan warga tempatan yang membuat pendaftaran masuk. Semasa mendaftar keluar, warga tempatan yang membuat bayaran penginapan. Adakah cukai pelancongan dikenakan?

J2: Tidak tertakluk kepada cukai pelancongan kerana warga tempatan yang mendaftar dan menginap di dalam bilik itu. Walau bagaimanapun, di bawah perkiraan perkongsian berkembar, sekiranya warga asing membuat pendaftaran semasa mendaftar masuk, maka penginapan itu akan dikenakan cukai pelancongan sebanyak RM10 setiap bilik setiap malam.

S3: Seorang warga tempatan dan seorang warga asing mendaftar masuk ke bilik yang sama dan warga asing yang membuat pendaftaran

masuk. Semasa mendaftar keluar, warga asing yang membuat bayaran penginapan. Adakah cukai pelancongan dikenakan?

J3: Tertakluk kepada cukai pelancongan kerana warga asing menginap dan membayar penginapan itu.

S4: Seorang warga tempatan dan seorang warga asing mendaftar masuk ke bilik yang sama dan warga asing yang membuat pendaftaran masuk. Semasa mendaftar keluar, warga tempatan yang membuat bayaran penginapan. Adakah cukai pelancongan dikenakan?

J4: Tertakluk kepada cukai pelancongan kerana bilik didaftarkan atas nama warga asing.

S5: Bilik eksekutif di hotel butik menyediakan penginapan percuma selama 6 jam dari waktu daftar keluar sebagai amalan hotel. Adakah tempoh lanjutan 6 jam tertakluk kepada cukai pelancongan?

J5: Tidak tertakluk kepada cukai pelancongan bagi lanjutan penginapan percuma.

S6: Adakah penggunaan harian dikenakan cukai pelancongan?

J6: Tidak dikenakan jika caj penggunaan harian tidak sama dengan kadar harga bilik setiap malam.

S7: Adakah pengendali yang mengenakan caj mengikut jam bagi penginapan di premis penginapannya perlu mengenakan cukai pelancongan?

J7: Tidak, dia tidak perlu mengenakan cukai pelancongan.

S8: Jika diskaun diberikan oleh pengendali hotel bagi caj bilik, apakah diskaun itu mempengaruhi kadar cukai pelancongan?

J8: Ia tidak menjejaskan kadar.

S9: Seorang tetamu membuat tempahan di sebuah hotel selama 10 malam tetapi sebenarnya tinggal selama 5 malam sahaja. Berapakah jumlah cukai pelancongan yang dikenakan?

J9: Jumlah cukai pelancongan adalah untuk 5 malam iaitu RM 50.00.

S10: Adakah cukai pelancongan dikenakan ke atas warga asing yang merupakan pekerja syarikat asing (syarikat induk) yang menginap di sebuah hotel di Malaysia (anak syarikat yang terletak di Malaysia)?

J10: Ya, tertakluk kepada cukai pelancongan.

S11: Adakah cukai pelancongan dikenakan bagi penginapan di mana warga asing mendaftar masuk pada 31 Ogos 2017 jam 2 petang dan mendaftar keluar pada 1 Sept 2017 jam 00.50?

J11: Tidak tertakluk kepada cukai pelancongan.

S12: Warga asing telah menempah dan membuat pembayaran bagi 5 malam penginapan di Hotel Yong dari 1/10/17 hingga 6/10/17. Kemudiannya, warga asing itu gagal menginap selama tempoh tersebut. Pengendali mengenakan penalti berjumlah satu malam menginap. Baki pembayaran yang dibuat untuk 4 malam dikembalikan kepada warga asing itu. Dalam senario ini, adakah cukai pelancongan dikenakan atas 'caj tidak hadir' 1 malam atau 5 malam?

J12: Tiada cukai pelancongan dikenakan kerana pelancong tidak menginap di hotel itu.

S13: Pakej pelancongan saya kepada pelancong asing termasuk penginapan di Hotel Maya, makanan dan lawatan ke taman tema

hotel. Adakah cukai pelancongan dikenakan ke atas pakej pelancongan itu?

J13: Cukai Pelancongan hanya dikenakan ke atas penginapan mengikut bilangan malam tinggal di premis penginapan.

S14: Adakah pengenaan cukai pelancongan sukarela atau wajib?

J14: Pengenaan cukai pelancongan adalah wajib.

S15: Jika pelancong asing menginap di sebuah bilik di motel atau rumah penginapan lain (tidak termasuk premis penginapan dikecualikan) dan penginapan itu adalah untuk tempoh 30 hari atau lebih, adakah penginapan itu tertakluk kepada cukai pelancongan?

J15: Penginapan untuk tempoh 30 hari atau lebih adalah tertakluk kepada cukai pelancongan.

S16: Adakah Cukai Pelancongan dikenakan ke atas sewa bilik yang ditempah melalui ejen dalam talian atau pihak ketiga?

J16: Apabila pelancong menginap di premis penginapan yang diatur melalui ejen dalam talian atau pihak ketiga, dia dikehendaki membayar cukai pelancongan semasa mendaftar keluar.

S17: Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai pelancongan dalam transaksi tempahan atas talian?

J17: Pengendali yang mengendalikan premis penginapan bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai pelancongan.

S18: Adakah cukai pelancongan dikenakan ke atas "caj tidak hadir" walaupun caj itu dilucut hak oleh pengendali premis penginapan?

J18: Cukai pelancongan hanya dikenakan apabila pelancong menginap di mana-mana premis penginapan. Oleh itu, "caj tidak hadir" tidak tertakluk kepada cukai pelancongan. Walaubagaimanapun sekiranya cukai pelancongan telah dikenakan dan tidak dikembalikan kepada pelancong,

pengendali hendaklah mengakaunkan cukai pelancongan yang telah dikutip.

S19: Adakah Cukai Pelancongan dikenakan ke atas sewaan bankuet / dewan tari / bilik mesyuarat?

J19: Cukai pelancongan tidak dikenakan ke atas sewa bankuet / dewan tari / bilik mesyuarat.

S20: Adakah kelab persendirian yang menyediakan tempat penginapan tertakluk kepada cukai pelancongan?

J20: Jika pengendali yang mengendalikan premis penginapan mempunyai 5 bilik atau lebih di kelab itu, pengendali itu adalah bertanggungjawab untuk mendaftar dan mengenakan cukai pelancongan kepada pelancong.

S21: Adakah penyediaan penginapan oleh pengendali yang mengendalikan hotel 4 bintang kepada pegawai kerajaan atau badan-badan kebajikan, sama ada atas urusan rasmi atau tidak tertakluk kepada cukai pelancongan?

J21: Penyediaan tempat penginapan oleh pengendali kepada pegawai kerajaan atau pertubuhan amal adalah tidak tertakluk kepada cukai pelancongan jika mereka merupakan rakyat Malaysia atau pemastautin tetap di Malaysia.

S22: Adakah terdapat nilai ambang untuk bayaran sewa bilik yang tidak tertakluk kepada cukai pelancongan?

J22: Cukai pelancongan dikenakan tanpa mengira nilai sewaan.

S23: Adakah penyediaan penginapan luar (perkhemahan laman van, karavan, rumah bot, marina, tapak perkhemahan, dan lain-lain) tertakluk kepada cukai pelancongan?

J23: Penyediaan premis penginapan luar tidak tertakluk kepada cukai pelancongan.

S24: Apakah penyediaan penginapan di hotel apartment tertakluk kepada cukai pelancongan?

J24: Penyediaan penginapan di hotel apartment adalah tertakluk kepada cukai pelancongan.

S25: En. Kim Jun dari Korea dan keluarganya seramai empat orang membuat perjalanan ke Pulau Pinang dan menginap selama dua minggu di sebuah hotel empat bintang dan menduduki 2 bilik. Adakah cukai pelancongan dikenakan ke atas semua 4 ahli keluarga atau dikenakan ke atas 2 bilik untuk sepanjang tempoh itu?

J25: Cukai pelancongan dikenakan atas kadar RM10 bagi setiap bilik setiap malam. Oleh itu, cukai pelancongan untuk 2 bilik bagi penginapan dua minggu ialah $RM10 \times 2 \text{ bilik} \times 14 \text{ malam} = RM 280$.

S26: Adakah tetamu atau pelawat warga asing yang berusia lebih 18 tahun tinggal semalaman dikehendaki membayar cukai pelancongan?

J26: Cukai pelancongan dikenakan ke atas bilik bagi setiap malam dan bukan ke atas orang bagi setiap malam dan faktor usia tidak diambilkira.

S27: Saya seorang pengendali hotel 4 bintang di Labuan dan penginapan tetamu warga asing saya adalah untuk tempoh enam bulan. Bilakah saya perlu mengakaunkan cukai pelancongan?

J27: Anda perlu mengakaunkan cukai pelancongan semasa tetamu mendaftar keluar. Walau bagaimanapun, jika terdapat bayaran berkala atau separa untuk bayaran bilik semasa tempoh tersebut, pelancong dikehendaki membayar cukai pelancongan yang terlibat.

S28: Semasa mendaftar keluar dari hotel 4-bintang, bil saya disenaraikan caj bilik sebanyak RM300, RM100 untuk makanan, RM50 untuk minuman, RM20 untuk perkhidmatan dobi dan RM5 untuk panggilan telefon. Apakah yang tertakluk kepada cukai pelancongan?

J28: Cukai pelancongan hanya dikenakan ke atas jumlah malam menginap dan kadar bagi setiap bilik setiap malam adalah RM10.

S29: Adakah bot rekreasi yang berhenti bermalam dikehendaki mengenakan cukai pelancongan?

J29: Bot rekreasi yang berhenti bermalam tidak dikehendaki mengenakan cukai pelancongan.

S30: Adakah pelancong asing yang menginap di atas kapal sementara ia berlabuh di tambatan tetap atau terletak di sebuah pelabuhan yang menyediakan perkhidmatan menginap dikehendaki membayar cukai pelancongan?

J30: Mereka tidak perlu membayar cukai pelancongan.

S31: Jika pelancong asing diberi lanjutan penginapan secara percuma di sebuah hotel selama 2 jam selepas masa daftar keluar, adakah pelancong itu dikehendaki membayar cukai pelancongan untuk satu malam lagi?

J31: Pelancong itu tidak perlu membayar cukai pelancongan.

S32: Jika pelancong asing diberi lanjutan penginapan di sebuah hotel selepas masa daftar keluar sehingga 7 malam pada hari yang sama dan dikenakan kadar penuh, adakah pelancong itu dikehendaki untuk membayar cukai pelancongan untuk satu malam lagi?

J32: Pelancong itu dikehendaki membayar cukai pelancongan untuk lanjutan penginapan.

S33: Saya seorang perunding asing dengan permit kerja Malaysia yang berurusan dengan pengendali resort untuk mengawasi pembangunan projek di resort tersebut. Pengendali resort menyediakan penginapan untuk saya di resortnya. Adakah saya perlu membayar cukai pelancongan?

J33: Anda tidak dianggap sebagai pelancong yang menginap di resort dan penginapan anda tidak tertakluk kepada cukai pelancongan.

S34: Hotel XYZ mempunyai perjanjian kontrak dengan JETLI Airlines untuk menyediakan penginapan kepada penumpang mereka apabila terdapat kelewatan penerbangan yang disebabkan oleh isu teknikal. JETLI Airlines akan menanggung kos caj bilik bagi penumpang dalam transit. Adakah Hotel XYZ perlu mengenakan cukai pelancongan kepada JETLI Airlines bagi penginapan yang disediakan kepada penumpang warga asing mereka?

J34: Hotel XYZ perlu mengenakan cukai pelancongan kepada JETLI Airlines bagi penginapan yang disediakan kepada penumpang warga asing mereka.

S35: Adakah cukai pelancongan dikenakan kepada pelajar warga asing yang mendaftar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Malaysia dan menginap di premis yang dikendalikan oleh Institusi?

J35: Tidak. Walau bagaimanapun, jika pelajar itu tinggal di premis penginapan selain daripada tempat belajarnya, dia bertanggungjawab untuk membayar TTx.

S36: Adakah cukai pelancongan dikenakan kepada warga asing yang memegang permit/pas kerja?

J36: Cukai pelancongan tidak dikenakan sekiranya warga asing menginap di premis penginapan yang juga terletak di / dalam tempat pekerjaannya dan tujuan penginapan itu mestilah berkaitan dengan pekerjaannya. Pengendali premis dikehendaki menyimpan salinan permit/pas kerja yang sah dan passport.

S37: Adakah kapten kapal pesiaran warga asing yang bekerja di Malaysia di bawah permit kerja Malaysia dikehendaki membayar cukai pelancongan apabila dia menginap di sebuah hotel ketika kapal itu berlabuh di mana-mana pelabuhan di Malaysia?

J37: Ya, tertakluk kepada cukai pelancongan.

S38: Adakah tempahan bilik oleh agen pelancongan atau syarikat, tetapi didaftar masuk warga asing tertakluk kepada cukai pelancongan?

J38: Ya, tertakluk kepada cukai pelancongan.

S39: UTM menjemput pemeriksa atau penceramah dari Amerika Syarikat. Kos penginapan mereka ditanggung oleh UTM. Bayaran kepada hotel dilakukan melalui pesanan tempatan kerajaan. Pengendali hotel tidak mengetahui identiti penginap semasa pesanan tempatan diserahkan kepada mereka sebelum penginap tiba. Bilakah pengendali diperlukan untuk mengakaun cukai pelancongan?

J39: Pengendali perlu mengakaunkan cukai pelancongan dalam tempoh bercukai penginap mendaftar keluar.

S40: Jika saya menjual perniagaan saya kepada pemilik baru, bolehkah pemilik baru meneruskan akaun cukai pelancongan sedia ada atau adakah dia harus membuat permohonan baru untuk cukai pelancongan?

J40: Pemilik baru perlu mengemukakan permohonan baru dan pemilik lama mesti memohon pembatalan pendaftaran.

S41: Pelancong diberi 3 jam penginapan lanjutan tanpa sebarang bayaran dari waktu daftar keluar iaitu jam 3 petang. Adakah penginapan lanjutan tertakluk kepada cukai pelancongan?

J41: Lanjutan penginapan percuma tidak tertakluk kepada cukai pelancongan. Walau bagaimanapun, sebarang penginapan lanjutan yang dikenakan pada kadar setiap bilik setiap malam tertakluk kepada cukai pelancongan.

S42: Adakah pengecualian diberi kepada pelajar warga asing dari IPTS A yang tinggal di premis penginapan IPTS B?

J42: Kedua-dua IPTS A dan IPTS B dikecualikan daripada pendaftaran jika menyediakan premis penginapan kepada pelajar sebagai kemudahan bagi tujuan pendidikan dan latihan. Oleh itu, kedua-dua IPTS tidak dibenar mengenakan cukai pelancongan.

S43: Pekerja syarikat induk menginap di premis penginapan yang dikendalikan oleh anak syarikatnya iaitu Hotel A. Adakah cukai pelancongan dikenakan kepada pekerja syarikat induk yang tinggal Hotel A?

J43: Ya, tertakluk kepada cukai pelancongan. Hanya pekerja (termasuk pekerja kontrak) majikan yang mengendalikan premis diberi pengecualian dari cukai pelancongan.

S44: Pekerja anak syarikat A (mengendalikan Hotel ABC) menginap di premis anak syarikat lain B (mengendalikan Hotel XYZ). Adakah cukai pelancongan dikenakan kepada pekerja syarikat A yang tinggal di Hotel XYZ?

J44: Ya, tertakluk kepada cukai pelancongan. Hanya pekerja (termasuk pekerja kontrak) majikan yang mengendalikan premis diberi pengecualian dari cukai pelancongan.

S45: Jika pelancong menginap untuk tempoh yang lama, contohnya satu bulan, adakah cukai pelancongan dikenakan untuk tempoh tersebut?

J45: Ya, tertakluk kepada cukai pelancongan.

S46: Adakah satu bilik suite di sebuah hotel dengan dua bilik tidur dianggap sebagai satu bilik atau dua bilik untuk tujuan cukai pelancongan?

J46: Satu bilik suite dianggap sebagai satu bilik.

Pendaftaran

S47: Adakah pemilik atau pengendali yang bertanggungjawab untuk mendaftar cukai pelancongan?

J47: Pengendali yang bertanggungjawab untuk mendaftar.

S48: Apakah liabiliti pengendali yang mendaftar pada atau selepas 01.09.2017?

J48: Pengendali dikehendaki memohon untuk didaftarkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permulaan operasi dan tarikh kuatkuasa pendaftaran adalah pada hari pertama bulan berikutnya selepas tarikh permohonan dikemukakan.

S49: Pengendali mengendalikan 4 pangsapuri yang disediakan untuk penginapan kepada pelancong. Adakah pengendali perlu didaftarkan?

J49: Pengendali mesti mengetahui bilangan bilik penginapan yang disediakan kepada pelancong, jika jumlah bilik penginapan untuk 4 pangsapuri

adalah 5 bilik atau lebih, dia dikehendaki berdaftar untuk cukai pelancongan.

S50: Adakah pengendali hotel inovatif yang menawarkan premis penginapan seperti hotel jenis Apache, kafilah, kontena, bustel, rumah bot, rumah pokok, tiub tidur, khemah, pelayaran, dll. Perlu didaftarkan untuk cukai pelancongan?

J50: Tidak perlu mendaftar untuk cukai pelancongan.

S51: Adakah hotel yang terletak di kawasan bebas cukai/ kawasan yang ditetapkan/ zon bebas dikehendaki berdaftar untuk cukai pelancongan?

J51: Ya, dikehendaki berdaftar untuk cukai pelancongan.

S52: Pemilik memiliki dan mengendalikan 6 unit dalam satu blok kondominium di mana unit-unit tersebut berada di aras yang berbeza. Terdapat beberapa unit dengan lebih daripada 5 bilik dan beberapa unit dengan hanya 2 bilik sahaja. Adakah pemilik itu perlu mendaftar untuk cukai pelancongan?

J52: Pengendali mesti mengetahui bilangan bilik penginapan yang disediakan kepada pelancong, jika jumlah bilik penginapan untuk 6 unit kondominium adalah 5 bilik atau lebih, dia dia dikehendaki berdaftar untuk cukai pelancongan.

S53: Terdapat 6 kondominium dengan 6 pemilik dan pemilik-pemiliknya melantik seorang agen untuk mewakili mereka bagi menyediakan penginapan kepada pelancong. Adakah ejen yang mewakili pemilik kondominium itu bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah cukai pelancongan?

J53: Agen itu mesti mengetahui bilangan bilik penginapan yang disediakan untuk pelancong, jika jumlah bilik penginapan untuk 6 unit kondominium ialah 5 bilik atau lebih, dia perlu didaftarkan untuk cukai pelancongan.

S54: Jika saya memiliki dan menyewakan satu unit apartmen dua bilik, adakah saya perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017?

J54: Anda tidak perlu mendaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017.

S55: Saya memiliki dan mengendalikan 5 rumah dengan lima bilik di setiap rumah dan menyediakan penginapan sebagai pengendali, adakah saya perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017?

J55: Ya, anda dikehendaki mendaftar untuk cukai pelancongan kerana anda menyediakan premis penginapan dengan 25 bilik penginapan yang melebihi jumlah bilik yang dikecualikan daripada pendaftaran. iaitu 4 bilik penginapan atau kurang.

S56: Jika En. Aziz memiliki dan menyewakan 20 unit apartmen dua bilik, sama ada digunakan secara bermusim atau sementara, adakah dia perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017?

J56: En. Aziz perlu mendaftar untuk cukai pelancongan.

S57: Apakah implikasi cukai kepada seorang pengendali dan seorang majikan yang menyediakan penginapan kepada para pekerja di hotel?

J57: Sebagai pengendali yang mengendalikan sebuah hotel, dia bertanggungjawab untuk didaftarkan dan mengenakan cukai pelancongan. Walau bagaimanapun, jika dia menyediakan penginapan yang sama sebagai kemudahan kepada pekerjaannya, dia tidak dikehendaki mengenakan dan mengaunkan cukai pelancongan atas penginapan oleh pekerjaannya itu.

S58: Adakah premis penginapan bagi haiwan peliharaan bertanggungjawab untuk berdaftar dan mengenakan cukai pelancongan?

J58: Premis penginapan bagi haiwan peliharaan tidak bertanggung untuk berdaftar dan mengenakan cukai pelancongan.

S59: Saya baru sahaja membeli sebuah rumah pantai dengan 4 bilik sebagai pelaburan dan merancang untuk menyewakannya semasa hujung minggu sahaja. Adakah saya perlu mendaftar untuk cukai pelancongan?

J59: Anda tidak perlu mendaftar untuk cukai pelancongan.

S60: Adakah badan berkanun yang memiliki dan mengendalikan premis penginapan dikehendaki berdaftar untuk cukai pelancongan?

J60: Badan berkanun yang mengendali dan menyediakan premis penginapan kepada mana-mana orang untuk tujuan pendidikan, latihan atau kebajikan tidak dikehendaki mengutip cukai pelancongan. Di samping itu, jika badan berkanun menyediakan penginapan tersebut kepada pekerjanya, dia juga tidak dikehendaki mengutip cukai pelancongan.

S61: Seorang pemilik memiliki dan mengendalikan 6 unit dalam satu blok kondominium di mana unit terletak di tingkat yang berbeza. Terdapat beberapa unit lebih daripada 5 bilik dan beberapa unit dengan hanya 2 bilik sahaja. Adakah pengendali pemilik perlu mendaftar untuk TTx?

J61: Pemilik perlu didaftarkan jika jumlah bilik penginapan yang disediakan 5 bilik atau lebih.

S62: Terdapat 6 kondominium (setiap kondominium terdapat 2 bilik penginapan) dengan 6 pemilik dan kesemua pemilik melantik seorang agen untuk mewakili kondominium untuk menyediakan penginapan kepada pelancong. Adakah agen yang mewakili pemilik kondominium boleh mendaftar untuk TTx?

J62: Ya, ejen perlu mendaftar di bawah TTx.

S63: Seorang pengendali mengendalikan sebuah hotel dengan 150 bilik dan didaftarkan untuk cukai pelancongan. Pada masa yang sama, beliau menyediakan hotel sebagai kemudahan kepada pekerjaanya. Oleh itu, apabila pengendali menyediakan bilik penginapan kepada pekerjaanya, dia dikecualikan daripada mengutip cukai pelancongan. Adakah pengendali itu masih perlu didaftarkan?

J63: Pengendali masih dikehendaki didaftarkan kerana dia mengutip cukai pelancongan.

S64: Pengendali menyediakan penginapan backpacker iaitu mereka mempunyai 10 bilik di premis penginapan mereka dan ada jenis bilik yang boleh menampung 2, 4 atau 6 orang. Kadar harga dikenakan pada setiap orang setiap malam. Setiap bilik boleh diinap oleh penginap berbayar yang berbeza dan mereka mungkin menginap pada tempoh masa yang berbeza dan beberapa tempoh tersebut mungkin bertindih di kalangan penginap yang menginap di bilik yang sama. Adakah pengendali perlu didaftarkan dan bagaimanakah dia mengenakan cukai pelancongan dalam keadaan sedemikian apabila penginap mendaftar keluar?

J64: Pengendali tidak dikehendaki berdaftar dan tidak dikehendaki mengutip cukai pelancongan.

Dokumentasi Cukai Pelancongan

S65: Bagaimana cara mendapatkan salinan TTx-02 yang hilang?

J65: Satu salinan TTx-02 boleh diperolehi dari Stesen Kastam yang Mengawal.

S66: Bagaimana dan di mana perlu dipamerkan siji TTx-02? Bolehkah siji itu diletakkan di atas meja atau di pejabat kewangan pengendali?

J66: Pengendali mesti mempamerkan sijil TTx-02 di tempat yang mudah dilihat di premis penginapan. Pengendali boleh mencetak lebih daripada satu salinan sijil dan meletakkannya di mana perlu.

S67: Adakah penyata cukai perlu dikemukakan bagi setiap premis berdaftar?

J67: Ya, penyata cukai perlu dikemukakan bagi setiap premis berdaftar.

S68: Sebuah resort di Pulau Perhentian hanya beroperasi selama 8 bulan dalam setahun. Adakah pengendali perlu mengemukakan penyata untuk sepanjang tahun?

J68: Ya, pengendali perlu mengemukakan penyata NIL untuk bulan-bulan yang tiada operasi.

S69: Apakah butiran atau jumlah yang perlu dinyatakan di ruangan 7 (pengecualian cukai) di dalam TTx-03?

J69: Ruangan 7 hendaklah diisi dengan jumlah cukai untuk setiap malam setiap bilik yang tidak dikenakan cukai pelancongan (dikecualikan).

S70: Pengendali memiliki 3 hotel di 3 lokasi berbeza iaitu Pulau Pinang, KL dan Johor. Untuk serahan penyata cukai pelancongan, bolehkah ianya dilakukan di bawah satu akaun seperti serahan kumpulan di bawah CBP?

J70: Tidak, operator dikehendaki mengemukakan penyata cukai pelancongan secara berasingan bagi setiap premis penginapan di KL, Johor dan Pulau Pinang.

S71: Bagaimanakah cukai pelancongan dikenakan jika penginap memohon untuk diasingkan invoice?

J71: Pengendali tidak dibenar mengagih cukai pelancongan.

S72: Adakah terdapat format khusus untuk invois cukai pelancongan?

J72: Tiada format khusus untuk invois cukai pelancongan.

S73: Adakah pengendali diperlukan untuk menyatakan sebab pengecualian dalam invois jika mereka tidak mengenakan cukai pelancongan?

J73: Sebab pengecualian bukanlah keperluan untuk dinyatakan di dalam invois tetapi bagi tujuan pengauditan pengendali digalakkan untuk menyatakan sebab tidak mengenakan cukai pelancongan.

S74: Moon Hotel, orang berdaftar CBP mempunyai kontrak dengan platform tempahan hotel atas talian. Encik Kim dari Korea menempah bilik di Moon Hotel melalui platform ini selama 3 malam dan dikenakan kadar bilik RM250 setiap bilik setiap malam. Apabila dia mendaftar keluar dari hotel, dia meminta resit pembayaran cukai pelancongan. Adakah Moon Hotel perlu mengeluarkan invois cukai?

J74: Moon Hotel tidak dibenar mengeluarkan invois cukai bagi pembayaran cukai pelancongan tetapi dikehendaki mengeluarkan invois, resit atau dokumen lain seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Akta Cukai Pelancongan 2017.

S75: Saya seorang pengendali dan saya mempunyai stok pra-cetakan invois yang sedia ada yang tidak tertera 'Cukai Pelancongan' yang dicetak di atasnya. Adakah stok invois yang sedia ada boleh dicop dengan perkataan 'cukai pelancongan' dan digunakan sehingga stok tersebut habis?

J75: Stok invois pra-cetakan sedia ada yang telah dicetak sebelum 1 September 2017 dan yang tidak mematuhi TTx boleh digunakan sehingga 31 Disember 2017 atau sehingga stok habis mana-mana yang lebih awal tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) inuis dan salinan inuis tersebut mesti dicop dengan perkataan 'nombor pendaftaran TTx', 'Cukai Pelancongan' dan 'Kadar Cukai'; dan
- (b) salinan inuis sedemikian hendaklah disimpan selama tempoh tujuh tahun.

Pengendali berdaftar TTx tidak dibenarkan mengeluarkan sebarang inuis tulisan tangan.

Pengecualian daripada Cukai Pelancongan.

Pengendali

S76: Di mana pengendali boleh mendapatkan senarai premis yang dikecualikan daripada cukai pelancongan?

J76: Senarai premis yang dikecualikan daripada cukai pelancongan boleh didapati dalam Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017.

S77: Saya mengendalikan kediaman komersil (homestay, rumah ladang, penginapan asrama dan pangsapuri perkhidmatan) yang diduduki sebagai tempat tinggal utama. Adakah saya bertanggungjawab untuk mendaftar?

J77: Homestay berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Perintah Cukai Pelancongan (Pengecualian) 2017, manakala premis penginapan lain adalah bertanggungjawab untuk mendaftar.

S78: Jika saya mengendalikan sebuah sekolah antarabangsa dan menyediakan asrama kepada pelajar saya. Adakah saya dikecualikan daripada mengena dan mengutip cukai pelancongan untuk penginapan yang disediakan?

J78: Anda tidak dikecualikan daripada mengena dan mengutip cukai pelancongan kepada pelajar anda yang tinggal di asrama.

Pelancong

S79: Seorang warga Nigeria mendaftar di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta untuk melanjutkan pelajaran kejuruteraan. Beliau ditawarkan oleh institusi penginapan berkongsi sepanjang tempoh kursus yang dikendalikan oleh pihak ketiga. Adakah pelajar ini perlu membayar cukai pelancongan?

J79: Pelajar dikehendaki membayar cukai pelancongan.

Perkongsian Masa

S80: Sebagai Pengendali Perkongsian Masa, kami kini mengendalikan 2 blok pangsapuri berservis dengan 2 atau 3 bilik di setiap unit. Mohon nasihat mengenai kriteria untuk menentukan bilangan bilik.

J80: Bilangan bilik merujuk kepada jumlah bilik penginapan di 2 blok pangsapuri perkhidmatan yang dikendalikan oleh Pengendali Perkongsian Masa itu.

Peralihan

S81: Bagaimanakah cukai pelancongan dikira semasa tempoh peralihan iaitu penginap mendaftar masuk pada 31 Ogos 2017 dan mendaftar keluar pada 1 September 2017?

J81: Cukai pelancongan dikenakan pada setiap bilik setiap malam. Sila rujuk kepada perenggan 22 Panduan Am mengenai Cukai Pelancongan untuk contoh lanjut yang berkaitan dengan tempoh peralihan.

S82: Kontrak yang dibuat lebih awal oleh ejen dengan pengendali di mana bayaran pendahuluan telah dibuat sepenuhnya sebelum 1 September 2017 untuk penginapan pada atau selepas 1 September 2017. Adakah terdapat pengecualian untuk kontrak yang dibuat sebelum ini?

J82: Tiada pengecualian daripada pengenaan cukai pelancongan untuk kontrak yang dibuat sebelum 1 September 2017.

S83: Seorang pemilik perkongsian masa warga asing telah membeli dan membayar yuran keahlian untuk program perkongsian masa sebelum 1 September 2017. Jika dia berhasrat untuk menggunakan haknya untuk menginap di sebuah resort atau rumah peranginan di bawah program ini dalam jangka masa yang ditetapkannya, adakah dia dikehendaki membayar cukai pelancongan kepada pengendali perkongsian masa itu?

J83: Pemilik perkongsian masa warga asing dikehendaki membayar cukai pelancongan.

S84: Saya mengendalikan agensi pelancongan dan saya mempunyai kontrak pakej pelancongan yang dibuat sebelum 1 September 2017 dengan pelbagai pengendali premis penginapan untuk menyediakan bilik penginapan kepada pelancong asing untuk tempoh dari 1 Jun 2017 hingga 31 Disember 2018. Saya telah membuat tempahan awal untuk penginapan bilik sebelum pelaksanaan cukai pelancongan. Adakah pengendali dikecualikan daripada mengutip cukai pelancongan dari pelancong asing?

J84: Pengendali tidak dikecualikan daripada mengutip cukai pelancongan. Walau bagaimanapun, anda boleh mendapatkan pengecualian daripada pengenaan dan kutipan cukai pelancongan oleh pengendali bagi tempahan awal dari pelancong asing dari 1 September 2017 sehingga 31 Mac 2018 dengan membuat permohonan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC). MOTAC boleh memberi anda surat sokongan untuk mendapatkan pengecualian dari Menteri Kewangan di bawah subseksyen 9(2) Akta Cukai Pelancongan 2017. Sekiranya Menteri meluluskan pengecualian itu, anda dikehendaki menghantar salinan sah kelulusan tersebut kepada pengendali masing-masing untuk

membolehkan mereka tidak mengena dan mengutip cukai pelancongan dari pelancong asing.

Pelbagai perkara

S85: Warga asing mendaftar masuk ke bilik hotel tetapi bilik itu didaftarkan di bawah nama warganegara Malaysia dan warganegara Malaysia itu tidak menginap. Adakah warga asing dikehendaki membayar cukai pelancongan?

J85: Keadaan ini tidak dibenarkan bagi tujuan keselamatan kerana nama orang yang menginap di dalam bilik mesti direkodkan oleh pengendali.

S86: Apakah dokumen yang diperlukan untuk mengenal pasti warga asing mendaftar masuk ke sebuah hotel?

J86: Dokumen yang diperlukan adalah salinan pasport, butir-butir yang diperlukan dalam invois yang dikeluarkan kepada pelancong contohnya nama penuh, alamat dan nombor pasport.

Pengendali boleh menggunakan maklumat ini sebagai panduan:

Jabatan Imigresen Malaysia akan mengeluarkan pas khusus kepada warga asing yang menunjukkan tujuan lawatan ke Malaysia. Pas tersebut akan dilekatkan ke dalam pasport dan ia mengandungi maklumat seperti nama, jantina, warganegara, syarat-syarat untuk tinggal dan alamat majikan.

Untuk membantu pengendali menentukan sama ada warga asing tersebut dianggap sebagai pelancong atau tidak, maklumat di bawah boleh digunakan sebagai panduan.

Jenis-jenis Pas	Ciri-ciri	Tindakan oleh Pengendali
1. Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek	Dikeluarkan kepada pelancong biasa.	Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan kepada pemegang pas ini kerana dia adalah pelancong.

2. Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang	i. Dikeluarkan kepada warga asing yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. ii. Hanya untuk tinggal sementara tidak kurang daripada 6 bulan.	Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang tidak membenarkan orang itu bekerja di Malaysia jadi dia dianggap sebagai pelancong. Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan.	
3. Pas Residen	i. Dikeluarkan kepada warga asing yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan warganegara Malaysia. ii. Dikeluarkan kepada warga asing yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan Pemastautin Tetap. iii. Dikeluarkan kepada bekas warganegara Malaysia. iv. Telah berada di Malaysia dengan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang yang sah sekurang-kurangnya tiga (3) atau lima (5) tahun.	Pas Residen tidak mengandungi maklumat untuk menunjukkan bahawa orang itu bekerja di Malaysia, jadi dia dianggap sebagai pelancong. Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan.	
4. Pas Lawatan (Ikhtisas)	i. Dikeluarkan kepada profesional warga asing untuk bekerja di Malaysia atau menghadiri/menjalankan latihan di Malaysia (tanpa bergaji di Malaysia) ii. Tinggal untuk jangka masa tidak melebihi 12 bulan. iii. Gaji tidak dibayar oleh majikan di Malaysia.	Pemegang pas ini adalah pelancong tidak kira di mana dia bekerja atau menghadiri/menjalankan latihan. Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan kepadanya.	
5. Pas Lawatan Kerja Sementara	i. Dikeluarkan kepada: - Pekerja Asing - Pembantu Rumah Asing ii. Bekerja dalam bidang pembuatan, perladangan, pertanian, pembinaan, dan perkhidmatan. iii. Dibenarkan bekerja dalam	Cukai pelancongan perlu dikenakan bergantung kepada situasi di bawah:	
		Bukan Pelancong	Pelancong
		Warga asing tidak dianggap sebagai pelancong jika dia menginap di premis penginapan di	Dalam situasi yang lain, jika pembantu rumah tersebut pergi bercuti dan menginap di sebuah

	tempoh tidak melebihi 5 tahun. iv. Gaji dibayar oleh majikan di Malaysia.	dalam kawasan di sekitar lokasi yang dinyatakan di dalam pas. Cth. Miss J merupakan pembantu rumah asing yang bekerja untuk sebuah keluarga di Kajang. Semasa hari cutinya, dia tinggal di sebuah hotel di bandar Kajang. Hotel ini tidak perlu mengenakan cukai pelancongan kepada Miss J kerana dia tidak dianggap sebagai pelancong.	hotel di Genting Highland, dia dianggap sebagai pelancong kerana lokasi hotel di luar kawasan yang dinyatakan di dalam pas. Pengendali perlu mengenakan cukai pelancongan.
6. Pas Penggajian.	i. Dikeluarkan kepada ekspatriat untuk membenarkannya tinggal dan bekerja secara sah di Malaysia. ii. Gaji dibayar oleh majikan di Malaysia.	Sama seperti di atas.	

Penafian: Sila ambil perhatian bahawa sementara JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa maklumat di atas adalah terkini dan tepat, ciri-ciri yang tidak disenaraikan dalam jadual hendaklah dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk verifikasi dan pengesahan.

S87: Di bawah takrif pelancong dalam Akta Industri Pelancongan 1992 perkara (i) menyatakan bahawa seorang pelancong termasuk seseorang yang melawat tempat di Malaysia untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan yang mendapat ganjaran dari tempat yang dilawati. Dapatkan penjelasan mengenai istilah 'ganjaran' dan 'tempat yang dilawati'.

J87: Ganjaran merujuk kepada permit kerja berbayar oleh majikan tempatan. Tempat yang dilawati merujuk kepada kawasan sekitar yang dinyatakan dalam permit kerja.

S88: Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengakaun cukai pelancongan jika penginap enggan membayarnya?

J88: Pengendali bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai pelancongan.

S89: Petronas menggunakan jurutera asing untuk melakukan pembaikan di pelantar minyak. Apabila jurutera itu tidak bekerja di pelantar, mereka diberi penginapan di sebuah hotel di tanah besar. Adakah jurutera itu dianggap sebagai pelancong dan bertanggung untuk membayar cukai pelancongan?

J89: Ya, jurutera itu dianggap sebagai pelancong dan bertanggung untuk membayar cukai pelancongan.

S90: Saya mengendalikan premis penginapan dan didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Bolehkah saya menggabungkan cukai pelancongan dan CBP yang dikutip dalam satu penyata?

J90: Tidak, anda dikehendaki mengemukakan penyata yang berasingan iaitu penyata TTx-03 untuk cukai pelancongan dan penyata GST-03 untuk CBP.

S91: Jika saya mengendalikan premis penginapan di kawasan yang ditetapkan, zon bebas atau kawasan bebas cukai, adakah saya perlu mengenakan cukai pelancongan?

J91: Akta Cukai Pelancongan 2017 terpakai bagi premis penginapan di kawasan yang ditetapkan, zon bebas atau kawasan bebas cukai. Anda dikehendaki mengenakan cukai pelancongan tertakluk kepada peraturan biasa.

S92: Adakah pengendali dibenarkan mengenakan CBP ke atas caj bilik jika caj bilik adalah termasuk cukai pelancongan?

J92: Pengendali tidak dibenarkan mengenakan CBP ke atas cukai pelancongan.

S93: Bagaimanakah saya mengeluarkan sebut harga kepada pelancong Malaysia dan pelancong asing?

J93: Sebut harga kepada pelancong Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia yang menginap di premis penginapan hendaklah tidak termasuk cukai pelancongan. Walau bagaimanapun, sebut harga bagi bukan warga Malaysia atau bukan pemastautin tetap Malaysia yang menginap di premis penginapan hendaklah termasuk cukai pelancongan.

S94: Bagaimana saya menguruskan yuran kad kredit yang dikenakan ke atas caj bilik termasuk cukai pelancongan apabila pelancong membuat pembayaran menggunakan kad kredit kerana ia akan meningkatkan kos saya dalam menyediakan penginapan kerana saya perlu mengambilkira yuran kad kredit?

J94: Caj tambahan hendaklah diambilkira ke dalam penetapan kos bagi caj bilik.

S95: Bilakah saya perlu mengakaunkan cukai pelancongan untuk kontrak tempahan berkumpulan pada masa hadapan di mana saya menerima bayaran terlebih dahulu untuk tempahan tersebut di hotel saya tetapi kewarganegaraan penginap belum diketahui?

J95: Apabila pengendali yang berdaftar untuk cukai pelancongan menerima bayaran terlebih dahulu, pengendali tidak dikehendaki untuk mengakaunkan cukai pelancongan sehingga kumpulan itu menginap dan mendaftar keluar.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT CUKAI PELANCONGAN

Maklumat lanjut mengenai cukai pelancongan boleh diperolehi dari:


- a) Laman web cukai pelancongan : www.myttx.customs.gov.my
- b) Emel : enquiry.tourismtax@customs.gov.my
- c) Pusat Panggilan Kastam : Tel : 1-300-888-500
Fax : 03-7806 7599
E-mail : ccc@customs.gov.my

d) Alamat:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 4, Blok A, MenaraTulus,
No. 22, PersiaranPerdana, Presint 3
62100 Putrajaya.

LAMPIRAN 1

Sampel invois cukai yang dikeluarkan oleh orang berdaftar GST yang juga berdaftar sebagai pengendali di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017

HOTEL GRAND SDN. BHD. Jalan Masa 75000 Bandar Hilir Melaka Tel : 06-8768356 Email : hotel.abc@gmail.com		 HOTEL GST ID: (008765783452) TTx ID : (000012345789)
TAX INVOICE		
Bill to: Hakim Bin Syarie No 76 Jalan Masjid 06000 Jitra Kedah	Tax Invoice No: 870008 Date : 3 August 2017	
Date	Description	Amount (RM)
2 August 2017	Room charges	200.00
	Service charge	20.00
3 August 2017	Room charges	200.00
	Service charge	20.00
	Total	440.00
	GST (6%)	26.40
	Heritage (RM 2/night)	4.00
	Tourism Tax (RM10/night)	20.00
	TOTAL CHARGES	RM 490.40

**Sampel invois yang dikeluarkan oleh pengendali yang berdaftar di bawah
Akta Cukai Pelancongan 2017**

HOTEL VIEW SDN. BHD.

Jalan Ulam
47000 Petaling Jaya
Selangor
Tel : 03-8768356
Email.: hotel.view@yahoo.com



TTx ID : (000098764321)

INVOICE

Bill to:
Kenneth Leow
25, Kent Ridge Road
Singapore 119077

Invoice No: 870008
Date : 3 October 2017

Date	Description	Amount (RM)
2 Oct. 2017	Room charges	150.00
	Service charge	15.00
3 Oct. 2017	Room charges	150.00
	Service charge	15.00
	Tourism Tax (RM10/night)	20.00
	TOTAL CHARGES	RM 350.00

PINDAAN

No	Tarikh	Tajuk / Sub - tajuk / Perenggan	Penerangan
1.	30.8.17	Soalan 67, 77 & 86	Tambahan soalan
2.	26.9.17	Soalan 39	Pembetulan perkataan
		Soalan 78	Tambahan soalan
3.	17.5.18	Soalan 3	Dihapuskan
		Soalan 11	Dihapuskan
		Soalan 19	Dihapuskan
		Soalan 89	Tambahan kepada soalan yang ada
		Soalan 90	Pembetulan perkataan